





MASJID Kristal pada waktu malam dan di sebelah kanan pemandangan dari Sungai Terengganu.

# Jendela tamadun



REPLIKA monum

# dunia Islam

OLEH  
WAN RAMLI WAN MUHAMAD

ANDA tidak perlu lagi ke Agra, India untuk melihat keindahan seni bina Taj Mahal yang dibina Maharaja Monghul, Shah Jahan atau ke Istanbul, Turki bagi melihat keunikan Kompleks Suleyman jika semuanya kini sudah berada di negara ini.

Apa tidaknya Taman Tamadun Islam (TTI) yang dijadikan jendela tamadun dunia – terletak di kawasan seluas 23.3 hektar di Pulau Wan Man, Kuala Terengganu kini menawarkan segala-segalanya.

Ia adalah lambang keunggulan, kehalusan dan kehebatan seni bina Islam yang tiada tandingan.

TTI berharga RM249.3 juta dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada malam ini (3 Februari 2008). Taman ini menyajikan segala keindahan, keunikan dan kehalusan seni bina Islam yang tiada tolak tandingan.

Pembinaannya juga adalah ilham Perdana Menteri sendiri yang mahukan ia dijadikan jendela tamadun dunia.

Pengurus Besar Perbadanan Mema-jukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Datuk Zakaria Awang memberitahu, keunikan TTI adalah dengan kewujudan sebuah Masjid Kristal ter- rapung serta 21 replika monumen Islam terkenal dari seluruh dunia.

Katanya, ini termasuk Al-Hambra (Sepanyol), Masjid Kubah Al Sakhra, Baitulmaqdis (Palestin) dan Menara Kaylan (Uzbekistan), Masjid Samarra (Iraq), Kudus Minar (Indonesia), Mas-


jid Xian (China), Sheikh Lutfallah (Iran), Kul Sharif (Rusia) dan Qairawan (Tunisia).

“Masjid Kristal pula yang dijangka menjadi ‘ikon’ TTI digarapkan dengan ciri dan reka bentuk keseluruhannya memaparkan identiti Terengganu, terutama hiasan unik kaligrafi tempatan yang memerlukan ketelitian untuk disiapkan,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* di Kuala Terengganu, baru-baru ini.

### Strategik

Taman Tamadun Islam yang terletak di muara Sungai Terengganu, mempunyai lokasi yang cukup strategik dan mudah dihubungi dengan destinasi pelancongan lain seperti Muzium Negeri, Pulau Duyong dan Heritage Trail (Bukit Puteri, Kedai Payang dan Kampung Cina).

Taman  
Tamadun Islam  
yang terletak di  
muara Sungai  
Terengganu,  
mempunyai lokasi  
yang cukup  
strategik dan  
mudah dihubungi  
dengan destinasi  
pelancongan lain



REPLIKA monumen yang terdapat di Taman Tamadun Islam

# un dunia Islam

Lokasi asal Pulau Wan Man terletak berhampiran Kampung Losong, Kuala Terengganu yang dulunya sunyi tiada penghuni, kini menjadi tumpuan ribuan pengunjung selepas TTI mengetengahkan keunggulan seni warisan dan seni bina Islam dari seluruh pelosok dunia, mengubah wajah pulau itu dengan sekelop mata.

Taman tema yang menggabungkan ciri keindahan alam semula jadi dan seni bina, termasuk pembinaan Masjid Kristal dan pusat konvensyen yang mula dibina Mac 2005 mengandungi empat komponen yang dibahagikan kepada A,B,C dan D dibangunkan mengikut elemen tersendiri.

Pembangunan komponen A menempatkan dua pintu masuk utama ke pulau melalui jalan darat dan air.

Komponen B memabitkan pembangunan pusat aktiviti TTI yang akan mengandungi tiga elemen

iaitu plaza masuk, pusat komersial dan konvensyen.

Fasa C dan D masing-masing memabitkan pembinaan dua bangunan iaitu Masjid Kristal dan perumahan imam serta bilal dan Kompleks TTI yang menempatkan Taman Islam, taman permainan kanak-kanak dan 21 replika monumen seni bina Islam yang terunggul di dunia.

## Perhatian

Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) menggunakan kepakaran arkitek berpengalaman dalam pembangunan taman tema terkenal dunia seperti Tokyo Disney Sea dan MovieWorld & Seaworld Australia Agro Gold Resort.

Antara monumen yang bakal menarik perhatian pengunjung adalah 'Dome of The Rock' yang ada

Baitulmaqdis, Taj Mahal di Agra India tetapi dibina di sini dengan skala lebih kecil.

Mercu tanda TTI adalah Masjid Kristal yang dijangka menjadi satu identiti baru pelancongan di Terengganu yang boleh menampung 1,000 jemaah, manakala pusat konvensyen yang terletak bersebelahan mampu mengisi 2,000 orang.

Lima daripada 21 replika tugu sejarah keagungan Islam dibina mini studio penerangan dan menyediakan 60 tempat duduk.


Empat replika tugu yang menyediakan kemudahan itu ialah masjid Masjidilharam, Mekah; Taj Mahal, India; Masjid Al Hambra, Sepanyol dan Masjid Sultan Omar Sharif di Brunei.

Replika yang turut dibina ialah Masjid Negara, Masjid Nabawi, Masjid Kudus Mina, Masjid Pusat Petani, Thailand; Menara Kalyan, Uzbekistan; Masjid Abu Nasr Pasra, Afghanistan; Masjid Sheikh Lutfallah, Iran; Masjid Besar Samarra, Iraq dan Masjid Mohamed Ali, Mesir.

Turut dibina Tugu Kompleks Suleyman, Turki; Masjid Badshahi, Pakistan; Masjid Besar Agadez, Nigeria; Masjid Alepo Citadel, Syria; Masjid Kul Sharif Tatarstan, Rusia dan Masjid Xian di China.



REPLIKA monumen Masjid di Xian China



REPLIKA monumen Masjid Samarra Iraq.

un Islam termasuklah (dari kiri) Masjid Sheikh Lutfallah, Iran; Masjid Kudus Minar, Indonesia; Taj Mahal di Agra, India dan Masjid Samarra, Iraq.



**REPLIKA**  
monumen  
Masjid  
Menara  
Kalyan,  
Uzbekistan.

**Je**

OLEH  
WAN R

**ANDA** tidak  
keindahan s  
haraja Mon  
bagi meliha  
semuanya k  
Apa tidak  
dijadikan je  
kawasan sel  
Kuala Teren  
nya.

la adalah  
kehebatan s

**Taman  
Tamadun Islam**  
yang terletak di  
muara Sungai  
Terengganu,  
mempunyai lokasi  
yang cukup  
strategik dan  
mudah dihubungi  
dengan destinasi  
pelancongan lain


WASON 2.02.2008.





MASJID Kristal pada waktu malam dan di sebelah kanan pemandangan dari Sungai Terengganu.





REPLIKA monumen (dari kiri) Masjid Aleppo, Citadel,




REPLI




REPLIKA monumen (dari kiri) Masjid Alepo, Citadel, Syria; Masjid Mohamed Ali, Mesir dan Masjid Kubah Al Sakhra, Baitulmaqdis.



REPLIKA monumen Masjid Nabawi.





**REPLIKA monumen Masjid di Xian China.**

**Foto AZLAN IBRAHIM**



**REPLIKA monumen Masjid Samarra Iraq.**